

# Melangkah ke mercu jaya dari permulaan suram



**MENJAGA MUTU KHIDMAT:** Pengurus besar Mercu Learning Point Cik Salhawaty Abdul Ghani pastikan usaha berkembang dan menubuhkan lebih banyak pusat tidak menjejaskan mutu khidmat. – Foto M.O. SALLEH

3 Apr 2015

**NUR ADILAH MAHBOB**

PADA awal penubuhannya, masa depan pusat pendidikan Mercu Learning Point kelihatan agak suram selepas ia mengalami kerugian selama beberapa tahun.

Hari ini, anak syarikat Angkatan Karyawan Islam (AMP) itu antara pengendali utama pusat jagaan pelajar dan kanak-kanak di peringkat nasional.

Mercu, yang ditubuhkan pada 1999, kini mengendali 11 pusat jagaan pelajar (SCC) dan lima pusat pendidikan awal (satu tadika dan empat tajaka), dengan tajaka terbaru di Jurong West dibuka bulan ini.

Pendapatan dan keuntungan bersihnya telah meningkat berlipat ganda dalam tempoh lima tahun.

Bagi khidmat jagaan pelajar, keuntungan bersih melonjak daripada \$48,300 (empat pusat) pada 2010 kepada lebih \$224,000 (11 pusat) tahun lalu.

Bagi pendidikan awal, keuntungan bersihnya daripada sekitar \$744,000 (empat pusat) kepada lebih \$996,000 (lima pusat) tahun lalu.

Pertumbuhan memberangsangkan itu menyusuli beberapa langkah strategik yang diambil Mercu, ujar pengurus besarnya, Cik Salhawaty Abdul Ghani.

Mercu bermula sebagai sebuah pusat tuisyen tetapi sejak beberapa tahun lalu ia menajam tumpuannya pada penjagaan pelajar dan pendidikan awal.

"Kami mengambil keputusan strategik mengalih fokus kepada pendidikan awal kanak-kanak dan pusat penjagaan pelajar mengikut permintaan yang berubah," ujar Cik Salhawaty dalam satu wawancara dengan Berita Harian baru-baru ini.

Beliau baru sahaja mengambil alih jawatan pengurus besar daripada Encik Azman Atan pada 17 Mac lalu.

Secara berperingkat, Mercu menutup pusat-pusat tuisyennya dan membuka lebih banyak SCC di sekolah.

Sedang Mercu mencatat pertumbuhan memberangsangkan, landskap penjagaan pelajar dan pendidikan awal juga semakin mencabar.

Seperti penyedia khidmat lain, Mercu, yang mempunyai 193 kakitangan, menghadapi cabaran menarik dan mengekalkan kakitangan terlatih.

Oleh itu, ia akan terus memanfaatkan skim dan dana pemerintah untuk mempertingkatkan pembangunan profesional dan peluang kemajuan kerjaya bagi kakitangan mereka, serta memperbaiki mutu pusat pendidikan mereka.

Mercu merancang membuka dua hingga tiga SCC setiap tahun dan sebuah pusat pendidikan awal setiap dua tahun.

Pada masa sama, Cik Salhawaty sedar peluasan itu juga harus dilakukan secara berperingkat.

"Yang penting, usaha berkembang dan menubuhkan lebih banyak pusat tidak menjejaskan mutu khidmat kami," ujarnya.

Selain Mercu, antara badan Melayu/Islam lain yang menawarkan khidmat jagaan pelajar ialah Yayasan Mendaki, Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS) dan Jamiyah.